

## Pengenalan kepada Perakaunan: Soalan

**Arahan:** Nyatakan andaian, prinsip atau batasan perakaunan tidak dipatuhi bagi setiap pernyataan di bawah.

	<b>Pernyataan</b>	<b>Andaian / Prinsip / Batasan</b>
1	Pinjaman peribadi Yasin direkodkan dalam buku perakaunan perniagaan.	
2	Pelarasan untuk sewa belum terima tidak dilakukan pada akhir tempoh perakaunan.	
3	Belian kalkulator yang bernilai RM80 direkodkan sebagai aset dan disusut nilai selama 4 tahun.	
4	Pemilik Perniagaan Hero telah mencatat bangunan perniagaan pada nilai pasaran.	
5	Faedah belum bayar tidak diambil kira secara sengaja supaya untung bersih dikekalkan pada tahap yang tinggi.	
6	Ambilan barang niaga oleh pemilik tidak direkodkan dalam buku perakaunan perniagaan.	
7	Kaedah susut nilai ditukar dari kaedah baki berkurangan kepada kaedah garis lurus untuk meningkatkan keuntungan perniagaan.	
8	Bayaran insurans nyawa pemilik telah direkodkan sebagai belanja insurans perniagaan.	
9	Tanah yang berkos RM60,000 telah direkodkan sebagai RM100,000 selepas menerima nasihat dari kawan pemilik.	
10	Rekod perakaunan Perniagaan Guna disediakan dengan andaian bahawa perniagaan ini hanya akan beroperasi untuk satu tempoh yang singkat.	
11	Cek yang dibayar untuk belanja membaiki kereta peribadi pemilik telah direkodkan dengan mendebitkan Akaun Belanja membaiki kereta dan mengreditkan Akaun Bank.	
12	Belanja iklan yang masih belum luput berjumlah RM400. Perkara ini telah diambil kira sebagai belanja dalam Akaun Untung Rugi bagi tempoh perakaunan tersebut.	